

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah permohonan myGAP (mengikut tahun) di seluruh negara dari 2015 hingga 2020. Berapakah kes yang tertunggak dari 2015 - 2020. Bagaimanakah Kementerian menggalakkan permohonan myGAP dan bagaimana menangani masalah proses lambat dan tertunggak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sejak tahun 2015 sehingga 2020 sebanyak 8,020 permohonan telah mendaftar untuk dipersijilkan dengan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) meliputi sektor tanaman, ternakan dan perikanan akuakultur. Daripada jumlah tersebut, 4,264 ladang telah berjaya dipersijilkan dan 3,421 ladang masih dalam proses pensijilan/tertunggak.
2. Bagi menggalakkan lebih banyak permohonan di dalam pensijilan myGAP, Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) Mempromosikan kelebihan dan kebaikan myGAP melalui media masa (radio dan surat khabar), media sosial dan juga program-program jabatan;
 - (ii) Pemberian insentif kepada pemohon dan penerima sijil myGAP dalam bentuk peralatan dan penambahbaikan infrastruktur;

SOALAN NO : 453

- (iii) Memberi kursus dan latihan amalan pertanian baik kepada petani/penternak bagi meningkatkan kefahaman terhadap elemen-elemen yang perlu dipatuhi dalam pensijilan myGAP;
 - (iv) Kerjasama strategik dengan rangkaian pemasaran bagi memasarkan produk myGAP;
 - (v) Program kesedaran kepada pengguna berkenaan kepentingan produk myGAP yang berkualiti dan selamat dimakan.
3. Bagi menangani masalah proses lambat dan tertunggak, berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian:
- (i) Mempercepatkan proses permohonan pensijilan daripada dua (2) tahun kepada 90 hari melalui program EzymyGAP bagi sektor tanaman dan tiga (3) ke 10 bulan bagi sektor ternakan;
 - (ii) Membangunkan SOP bagi melantik pembimbing swasta bagi membantu pihak industri mempercepatkan proses bimbingan dan konsultasi pensijilan myGAP;
 - (iii) Meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai pembimbing melalui kursus dan latihan;
 - (iv) Meningkatkan keupayaan auditor dan pegawai pembimbing diperingkat kawasan; dan
 - (v) Meningkatkan kapasiti makmal dengan menambah fasiliti makmal sedia ada. Contoh makmal Jabatan Pertanian (DOA) di Wilayah Timur, Cameron Highlands, Kuala Lumpur dan juga makmal Wilayah Selatan.

SOALAN NO : 453

BIL	SEKTOR	2015	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
1	Tanaman	1,222	993	929	762	1,764	1,159	6,829
2	Ternakan	380	126	116	132	68	2	824
3	Perikanan Akuakultur	61	100	74	46	62	24	367
JUMLAH		1,663	1,219	1,119	940	1,894	1,185	8,020

Senarai Permohonan myGAP (mengikut tahun) di seluruh negara dari tahun 2015 hingga 2020

Sekian, terima kasih